

Advertorial

Kelab Rotary Petaling Jaya meraikan tiga individu di atas perkhidmatan vokasional cemerlang mereka



KELAB-KELAB Rotary seluruh dunia telah mendedikasikan bulan Oktober sebagai bulan Perkhidmatan Vokasional Rotary selama beberapa tahun kebelakangan ini. Sepanjang bulan ini, kelab-kelab akan mengiktiraf individu-individu yang telah menunjukkan kesetiaan dan kemajuan dari segi standard etika yang tinggi menerusi bakat vokasional mereka, serta mereka yang telah berusaha menjangkau kebiasaan dalam menyumbang kepada keperluan komuniti.

Secara keseluruhan, bulan ini memberikan peluang untuk menilai dan menghargai para individu yang telah memberikan contoh terbaik menepati moto rotary, iaitu "berkhidmat bukan untuk diri sendiri". Wira-wira tidak rasmi ini, tanpa mengira lelaki mahupun wanita, mungkin tidak pernah dipaparkan di dalam majalah atau sebarang terbitan, tetapi mereka gigih berkhidmat dengan penuh keikhlasan, dedikasi dan keghairahan.

Sebelum ini, Kelab Rotary Petaling Jaya (RCPJ) telah mengiktiraf kakitangan pelupusan sisa pepejal, guru-guru sekolah cacat, kakitangan Jabatan Forensik dan pengurus mayat, wartawan, jururawat serta ramai lagi. Pada tahun ini, kelab

amat berbangga untuk mengiktiraf dan menganugerahkan 3 individu cemerlang dari pelbagai Badan Bukan Kerajaan yang telah mempamerkan prestasi memberangsangkan dalam kerja-kerja kemasyarakatan menerusi sebuah majlis rasmi yang diberi nama "Dignifying A Profession" yang akan diadakan di Grand Dorsett, Subang Jaya.

Penerima anugerah untuk kali ini ialah Sengesvari Ramakrishnan dari Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM), Christine Chiew Kam Zee dari Yayasan Penyakit Alzheimer Malaysia dan Sivaraman Kannan, seorang pengunjung aktif di Persatuan Penyakit Parkinson.

Sengesvari Ramakrishnan, yang mendapat latihan dalam bidang psikologi kanak-kanak sentiasa aktif dalam membantu kanak-kanak penghidap autistik di NASOM. Beliau telah menunjukkan sokongan, kesabaran dan perhatian berterusan yang diperlukan untuk menjaga kanak-kanak ini sepanjang tempoh perkhidmatannya. Autisme merupakan sejenis gangguan neurologi yang menjejaskan kebolehan komunikasi, deria, serta kebolehan pembelajaran dan sosial. Statistik menunjukkan bahawa seorang dalam setiap 110 bayi dilahirkan dengan kecacatan sebegini.



Tiga individu yang menerima anugerah di atas perkhidmatan vokasional cemerlang mereka bergambar bersama pihak pengurusan Kelab Rotary Petaling Jaya.

Penerima anugerah yang kedua iaitu Christine Chiew Kam Zee, yang bertugas di Yayasan Penyakit Alzheimer Malaysia adalah seorang Jururawat dan Bidan Bertauliah, serta telah melanjutkan latihan dalam bidang kesihatan dan keselamatan. Christine telah banyak menyumbang dalam menjaga kebajikan para pesakitnya. Mereka terdiri daripada warga tua berusia 65 tahun ke atas, yang hilang ingatan secara berperingkat akibat kehilangan sel-sel otak yang akan turut menjejaskan keupayaan mereka untuk melakukan aktiviti-aktiviti rutin.

Penerima anugerah yang terakhir ialah Sivaraman Kannan, seorang penghidap Parkinson yang sangat aktif terlibat secara emosi dengan menyokong dan memotivasikan mereka yang turut mengalami nasib yang serupa. Sivaraman

telah didiagnosis dengan penyakit ini tidak lama dahulu, namun ia tidak menghalang beliau untuk terus memainkan peranan yang besar di Pusat Persatuan Penyakit Parkinson ini. Beliau mengetuai kumpulan yang melawat dari rumah ke rumah untuk memberikan kaunseling kepada mereka yang menghidap penyakit ini, di samping memberikan ceramah tentang bagaimana untuk mengatasinya, serta menyumbang dari segi penulisan di dalam buletin berita persatuan ini untuk mendidik masyarakat tentang Parkinson.

Majlis penghargaan ini telah dihadiri oleh kesemua ahli RCPJ. Penerima anugerah setiap seorang telah dihadihkan dengan sebuah plak dan jam tangan bagi menghargai usaha murni, keikhlasan dan dedikasi mereka dalam kerjaya masing-masing.